

15/04/2001

Erra boleh tarik artis sertai Puteri

Munaarfah Abu Bakar; Wan Esuriyanti Wan Ahmad

KUALA LUMPUR: Puteri Umno yakin Erra Fazira, 27 dapat memberi sumbangan untuk menarik lebih ramai artis muda terutama penyanyi dan pelakon menyertai pertubuhan itu.

Ketua penajanya, Azalina Othman Said berkata, Erra bukan saja dapat mengajak golongan muda tetapi sebagai wadah perjuangan artis dalam isu berkaitan mereka terutama masalah cetak rompak.

"Lebih banyak artis perlu menyertai Puteri Umno kerana golongan itu dapat berfungsi memberi penerangan dasar kerajaan kepada rakyat ketika majlis pelancaran album atau konsert masing-masing," katanya kepada Berita Minggu, semalam.

Beliau berkata, Puteri Umno perlu pendekatan baru yang lebih realistik dalam menarik orang ramai menyertai Umno. Parti juga perlu lebih terbuka dalam meraih keahlian baru terutama golongan muda.

Ditanya sama ada personaliti Erra sebagai artis sesuai dan dapat menarik wanita muda di peringkat universiti yang kini lebih cenderung kepada isu keagamaan, beliau berkata:

"Kami akan melantik dari kalangan ustazah dan pekerja kilang bagi mewujudkan keseimbangan dalam menarik keahlian baru. Setakat ini kami sudah melantik empat jawatankuasa lantikan, masih ada dua tempat yang belum diisi," katanya.

Azalina juga menjelaskan mengenai kegagalan Erra menghadiri kunjungan hormat pertama Exco Jawatankuasa Pusat Penaja Puteri Umno dengan Presiden dan Timbalan Presiden Umno, baru-baru ini.

Sambil mempertahankan Exco jawatankuasa pusatnya, beliau berkata, tidak wajar menunding jari kepada Erra semata-mata sedangkan ada juga ahli Exco lain yang tidak hadir.

"Erra sudah jelaskan kepada saya masalahnya dan saya sebagai ketua, sudahpun memaklumkan perkara itu kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Mereka berdua menerima penjelasan saya," katanya.

Dalam pertemuan pertama Exco Jawatankuasa Pusat Penaja Puteri Umno dengan Dr Mahathir pada 11 April lalu, Erra gagal hadir kerana terbabit dalam pelancaran album kompilasi, 16 Bintang Fiesta sempena Anugerah Industri Muzik 2001 (AIM2001) di Hotel Concorde.

Beliau juga tidak dapat menghadiri pertemuan dengan Abdullah pada majlis makan malam kerana dikatakan mempunyai satu lagi program yang sudah dirancang sejak awal.

Menurut Azalina, ramai lagi ahli politik lain yang sering gagal menghadiri majlis penting bagi parti, namun tidak ada sesiapa pun yang mempertikaikannya.

"Sebagai contoh, ramai ahli Parlimen yang sering gagal menghadiri sesi dewan, tetapi ini tidak pun dijadikan isu. Jadi, mengapa Erra perlu disalahkan sedangkan beliau mempunyai alasan yang kukuh," katanya.

Mengenai perbezaan pendekatan yang akan diambil Puteri Umno bagi menarik ahli dari wanita bandar dan luar bandar, beliau berkata, tumpuan kepada pendidikan dan perkhidmatan bagi golongan luar bandar, manakala lebih banyak aktiviti akan diberikan kepada golongan bandar.

(END)